



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعيه نكري ملاك

**KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

Tel. Pejabat : 06 - 233 2050
Sambungan : 3501
Fax : 06-2311275
Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3()

Tarikh : 11 Februari 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2016

**Mengenakan Penalti Bagi Kesalahan Lafaz Cerai Di Luar Mahkamah
Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Isu Perundangan Dan Penyelarasan Perundangan Antara Jabatan / Agensi Agama Negeri Melaka Bil.2 tahun 2015 pada 15 hingga 17 Disember 2015 di Hotel Palm Garden, IOI Resort City, Putrajaya telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Mahkamah yang berbidangkuasa mendengar dan memutuskan kes-kes perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada lafaz talaq yang dilafazkan itu adalah **sah mengikut Hukum Syarak**.
2. Setelah Mahkamah berpuas hati lafaz talaq yang telah dilafazkan adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan kesalahan ke atas pelaku (lelaki yang menceraikan isterinya) dan mengenakan penalti menurut peruntukan seksyen 125 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) tahun 2002, **pada hari keputusan kes perceraian itu dibacakan**.
3. Sebagai panduan, Mahkamah bolehlah merujuk kepada **Contoh Perintah / Penghakiman** seperti di LAMPIRAN A.

Arahan ini berkuatkuasa **1 Mac 2016**.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

LAMPIRAN A

SETELAH Mahkamah mendengar dan meneliti keterangan yang diberikan pihak-pihak, Mahkamah berpuas hati dan berkeyakinan untuk membuat keputusan. **MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN** seperti berikut :

1. Mahkamah mensabitkan dan menghukumkan lafaz talaq yang dilafazkan oleh Plaintiff/Defendan; Berbunyi : “aku ceraikan kau dengan talaq 1”
Pada : 1 Disember 2015 jam 3.00 petang di Pekan Alor Gajah, Melaka
di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah adalah sah dan sabit di sisi Hukum Syarak.

Berikutan dengan itu, Mahkamah mengesahkan berlaku perceraian di antara Plaintiff dan Defendan dengan jatuh talaq satu (1) kali pertama berjumlah satu (1) talaq ke atas Plaintiff/Defendan.
2. Plaintiff diperintahkan ber'iddah selama tiga (3) kali suci mulai tarikh lafaz cerai.
3. Dengan ini Mahkamah menjatuhkan ke atas Plaintiff/Defendan hukuman denda sebanyak RM500.00 **ATAU** dipenjarakan selama tiga (3) bulan jika tidak bayar denda berdasarkan peruntukan seksyen 125 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.
4. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka.
5. Mahkamah memerintahkan Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka membatalkan Perakuan Nikah Negeri Melaka No.Siri MK/PN/012345 (Bil.Daftar 100/2014).

DIKELUARKAN dengan Tandatangan dan Meterai Mahkamah ini pada **4 Januari 2016**.

.....
HAKIM / PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGERI MELAKA